

Headline	SGPIM lonjak inovasi MARA ke tahap global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,27	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 8,024
Frequency	Daily	PR Value	MYR 24,071



# SGPIM lonjak inovasi MARA ke tahap global

**Majlis Amanah Rakyat (MARA)** memperkenalkan Skim Geran Penyelidikan & Inovasi (SGPIM) dalam membudaya dan melonjakkan inovasi ke tahap yang lebih tinggi dalam kalangan warganya.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Mohd Shafie Apdal berkata, SGPIM akan menggalakkan penyelidik dan pereka cipta menghasilkan kajian dan produk inovasi yang mampu membuat transformasi dalam penyampaian dan sistem perkhidmatan MARA.

"Bagi tujuan ini, MARA telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta dan kita telahpun menerima permohonan daripada warga kerja untuk melakukan penyelidikan," kata beliau dalam wawancara khas baru-baru ini.

Mohd Shafie berkata, MARA mempunyai banyak hasil intelek yang dihasilkan oleh warganya termasuk anggota kerja, tenaga pengajar dan pelajar.

Hasil itu, kata beliau, sebenarnya mampu menjana kekayaan baharu.

"Namun apa yang berlaku ialah hasil-hasil tersebut bukan sahaja tersimpan dalam stor mengumpul habuk tetapi juga telah diciplak oleh

orang-orang lain. Kita mendapat maklum balas positif di mana terdapat agensi dan syarikat yang berminat untuk berkolaborasi dalam mengeluarkan dan memasarkan hasil-hasil tersebut.

"Malah, sudah ada hasil intelek warga kerja dan pelajar MARA dari Institusi Pendidikan MARA (IPMa) iaitu Maktab Rendah Sains MARA, GIATMARA, Institut Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Universiti Kuala Lumpur, German Malaysian Institute yang telah ditawarkan pengkomersilan

produk dengan sejumlah wang yang lumayan," katanya.

Menyedari hakikat inilah, maka MARA telah mengeluarkan 'Intellectual Property And Commercialisation Policy' yang diluluskan dalam Mesyuarat Majlis MARA pada 18 Oktober 2012 untuk melindungi hasil harta intelek MARA.

"Dengan terhasilnya polisi ini, kita mampu melindungi hasil intelek warga kerja MARA daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkongsian pendapatan dari hasil pengkomersialan harta intelek tersebut juga dapat menjana pendapatan baharu dalam MARA," katanya.

Kata beliau: "Kita berharap MARA terus menjadi pemangkin dalam melahirkan usahawan Bumiputera melalui 'spin-off companies'. Ini adalah kerana penyelidikan dan hasil inovasi tidak berguna sekiranya tidak menjana kekayaan baharu."


Selain itu, kata Mohd Shafie, inovasi MARA juga dilaksanakan di bawah program pembiayaan perniagaan di mana pihaknya telah berjaya melaksanakan Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE).

Kata beliau, sistem pengurusan pembiayaan MARA itu telah mempercepatkan perkhidmatan tanpa bertangguh terutamanya yang melibatkan kelulusan urus niaga, pemberian lesen, development order, tender, kontrak, sebut harga, pembayaran kerja dan lain-lain yang melibatkan implikasi kewangan.

MARA juga, katanya, telah menerapkan skim baru iaitu Skim Pembiayaan Factoring (SPF) yang dapat mengurangkan faktor masa dalam pembayaran kontrak.

"Pencapaian-pencapaian ini membuktikan MARA berada di landasan yang tepat sebagai sebuah organisasi yang unggul untuk mengangkat martabat bangsa," katanya.

Headline	SGPIM lonjak inovasi MARA ke tahap global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	26,27	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 8,024
Frequency	Daily	PR Value	MYR 24,071



Dato' Seri Mohd  
Shafie Apdal